

KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

Istilah inovasi pada hari ini telah digunapakai dengan meluas sekali. Hampir setiap hari kita disajikan dengan pelbagai isu atau perihal berkaitan inovasi. Setiap bidang atau perkara yang dibangunkan di sekitar kehidupan kita hari ini juga ada kaitannya dengan inovasi. Kemajuan kebendaan dan permodenan yang dicapai manusia hari ini juga saling berkait rapat dengan inovasi. Selagi manusia hidup di muka bumi ini, maka selagi itulah manusia akan berinovasi untuk mendapatkan kesempurnaan dalam kehidupannya.

Malahan, pakar-pakar akademik juga mengandaikan bahawa manusia hari ini tinggal dalam dunia inovasi yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa. Manusia dikira telah melangkaui dan melepasi dunia penciptaan yang pesat pembangunannya sekitar kurun ke-19 dahulu. Era penciptaan dianggap telah berakhir dengan berkembangnya dunia sains dan teknologi di sekitar abad ke-20. Penjurusan manusia hari ini lebih kepada penambahbaikan dan penyempurnaan berbanding penciptaan.

Perbandingan dunia penciptaan dan inovasi boleh diambil kira dengan melihat contoh kapal terbang. Sejak idea kapal terbang yang lengkap ditemukan oleh Orville dan Wilbur Wright pada 1903, konsep asas kapal terbang tidak pernah berubah. Kapal terbang terbahagi kepada bahagian kepala sebagai unit pengawalan, bahagian badan sebagai ruang penumpang

dan bagasi, ekor sebagai kontingensi dan sayap sebagai ruang pengawalan dan minyak masih kekal. Malah, keperluan kapal terbang kepada sayap sebagai mekanisme utama untuk berlepas dan mendarat masih kekal walaupun telah melebihi usia 100 tahun, dan kapal terbang masih lagi bergerak ke hadapan, tidak mengundur mahupun bergerak ke sisi kiri atau kanan. Makanya, di sini bolehlah dikatakan bahawa era penciptaan untuk kapal terbang telah berakhir.

Walau bagaimanapun, apa yang masih berlaku dan akan terus berlaku ialah inovasi dalam industri penerbangan. Contohnya, kapal terbang hari ini jauh lebih laju dari apa yang telah dicipta oleh Wright bersaudara dahulu. Kapasiti penumpangnya juga semakin bertambah sebagaimana pesawat terbesar di dunia hari ini Airbus A380 yang boleh membawa maksimum 480 penumpang dalam satu-satu masa. Penghasilan kerusi yang lebih selesa, alat hiburan yang lebih canggih, sistem komunikasi yang baik, perkhidmatan yang lebih cekap dan mesra, ruang bagasi yang lebih besar dan pelbagai inovasi lain yang senantiasa berlaku dari masa ke semasa. Ini adalah satu contoh daripada pelbagai inovasi yang sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian individu di dunia ini.

Dalam dunia keusahawanan, inovasi terbukti sebagai suatu elemen yang sangat penting. Usahawan yang terlibat pastinya tidak akan mampu bersaing dalam dunia tanpa sempadan hari jika tidak adanya inovasi. Proses inovasi dalam keusahawanan adalah satu keperluan yang tidak dapat dinafikan. Jika tidak jadilah usahawan itu seperti 'hidup segan mati tak mahu', maksudnya hanya sekadar cukup-cukup makan tetapi tidak boleh dijadikan sumber pendapatan utama apatah lagi diwariskan kepada generasi seterusnya. Kelestarian keusahawanan yang dijalankan amat bergantung kepada proses inovasi yang berlaku di dalamnya.